



Tahun 4 Bilangan 3

1 February, 1959

RA'AYAT TA' HARUS BIMBANG ATAS PERLEMBAGAAN

DALAM pertengahan bulan March akan datang ini Duli Yang Maha Mulia akan berangkat ka-London mengetuai satu rombongan yang terdiri dari 9 orang ahli Majlis Meshuarat Negeri kerana merundingkan perlembagaan Brunei yang bertulis dengan Setiausaha Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox Boyd.

ANTARA KANDONGAN-NYA

- * Tiga kematian
- * Dermasiswa Shell
- * Rumah Sakit Besar
- * Radio Brunei di-Amerika
- * Ranchangan kerana kedatangan Duke
- * Rombongan Perlembagaan ka-London

Perlembagaan yang bertulis itu telah mula di-ranchangkan dalam tahun 1953 dan satu rombongan perlembagaan di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia telah mengadakan rundingan permulaan dengan Kerajaan British dalam bulan September, 1957.

Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia sa-bagai ketua rombongan itu ialah untuk melicinkan rundingan kerana rombongan yang tidak mengandongi Duli Yang Maha Mulia walau pun di-beri kuasa penuh sudah tentu akan menghadapi soal2 yang tidak di-sangka dan apabila perkara itu timbul akan terpaksa di-rujukkan kepada Duli Yang Maha Mulia di-sini dan yang demikian akan melanjutkan dan melambatkan persekutuan mu'tamad.

Ra'ayat tidak harus berasa bimbang sa-perti yang di-bayangkan oleh Party Ra'ayat dalam perhimpunan ulangan tahun ketiga party itu baharu2 ini atas maksud perlembagaan itu. Ia tidak akan merugikan ra'ayat kerana Duli Yang Maha Mulia telah berulang kali ber-titah bahawa baginda hendak memberi kuasa pemerintahan kepada ra'ayat.

Ra'ayat sudah pun di-beri peluang mengambil bahagian dalam pemerintahan tetapi tawaran itu telah di-tolak oleh Party Ra'ayat dengan memulakan ranchangan pilihan raya Majlis2 Meshuarat Daerah dalam tahun 1957.

Semenjak itu rang perlembagaan itu telah di-halusi dan di-semak lagi kerana sa-bagai satu bangsa yang berdaulat penduduk2 Negeri Brunei ini berhak memerintah dan memikul tanggung jawab pemerintahan dalam negeri.

Tugas ini telah di-serahkan kepada sa-orang peguam Melayu dari Persekutuan Tanah Melayu yang pernah menjadi ahli Jawatan Kuasa yang menggubal perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka.

JADUAL LAWATAN DUKE KA-BORNEO BRITISH.

YANG Teramat Mulia Duke of Edinburgh yang akan melawat ka-Brunei sa-lama sa-hari pada 28 February ini dalam lawatan-nya ka-negeri2 Commonwealth itu akan menghabiskan sa-lama lima hari kerana melawat kawasan2 British di-Borneo.

Sa-belum melawat ka-Brunei Duke akan sampai di-Sarawak dengan bahtera Diraja "Britannia" pada petang 26 February. Bahtera itu akan membawa Duke ka-Kuching dari Singapura.

Di-Kuching Yang Teramat Mulia itu akan bermalam di-Istana Gabnor. Kerana menyambut Duke dalam lawatan itu Kuching seperti lain2 bandar dan kota yang telah di-lawat dan akan di-lawat oleh Duke akan di-hiasi dengan pintu2 gerbang.

Tarian2 asli.

Pada malam itu Duke akan melihat tarian2 yang akan di-pertunjukkan oleh penduduk2 yang terdiri dari berbagai2 kaum di-Sarawak.

Duke akan melawat beberapa tempat di-Sarawak, termasuk-lah Sibn Miri dan lain2-nya.

Dalam majlis2 yang akan di-adakan seperti yang di-ranchangkan di-Brunei Yang Teramat Mulia Duke akan di-perkenalkan kepada ketua2 kaum dan memereksa satu barisan kehormat daripada Sarawak Rangers.

Pada pagi 28 February Duke akan berlepas dengan sa-buah kapal terbang khas ka-Anduki, Seria untuk memulakan lawatan sa-hari-nya ka-Brunei. Di-Seria Duke akan menyaksikan perkembangan perusahaan minyak Brunei yang terkaya sa-kali di-negeri2 Commonwealth itu.

Perlumbaan kerbau.

Di-Bandar Brunei Duke akan di-sambut oleh Duli Yang Maha Mulia dan akan menyaksikan berbagai2 permainan dan tarian asli di-kawasan Istana Darul Hana pada malam itu.

Pada pagi 1 March beliau akan bertolak ka-Jesselton dengan kapal terbang dan Duke akan melihat temasha perlumbaan kerbau di-Kota Belud.

Sa-belum bertolak pada keesokan-nya Duke akan melawat ka-Sandakan dan dalam perjalanan terbang ka-Sandakan itu kapal terbang Duke akan lalu dekat Gunung Kinabalu ia-itu gunung yang tinggi sa-kali di-Tenggara Asia yang 13,445 kaki tinggi itu.

.....

X PENUNTUT2 BRUNEI DI-SEKOLAH MELAYU MENENGAH DI-MALAYA.

Enam orang murid2 Melayu Brunei telah berlepas ka-Malaya dengan kapal terbang Dakota sharikat Malayan Airways baharu2 ini kerana melanjutkan pelajaran mereka di-sekolah Melayu Tuanku Abdul Rahman Middle School, IPoh.

Murid2 itu belajar dengan dermasiswa daripada Kerajaan Negeri Brunei.

Mereka itu ia-lah: Razali bin Metasin, Mohamed Yusof bin Hussein, Abdul Kani bin Mohamed Salleh, Juhaili bin Abdul Kadir, Asrah bin Edin dan Abdul Malik bin Abdul Latif.

.....

Club Pemuda Seria berchadang hendak mengadakan latehan boxing dan jahit menjahit. Kelab itu telah mendapat pendahuluan sa-banyak \$500 daripada Lembaga Perkhidmatan Kaum Daerah Belait.

SADIKIT TENTANG "PELITA BRUNEI"

MULAI dari hari Rabu ketiga bulan February ini "Pelita Brunei" akan di-perbesarkan lembar-nya kepada 9 inchi lebar 14 inchi panjang dan akan di-chetak di-Brunei Press, Kuala Belait tida lagi di-cyclostyle saperti keluaran2 yang lalu.

Penerbitan "Pelita Brunei" pada masa akan datang ia-lah dua kali juga sa-bulan tetapi tidak lagi pada 1 dan 15 haribulan tetapi pada hari Rabu pertama dan ketiga tiap2 bulan.

Sungguh pun "Pelita Brunei" baharu itu akan mengandongi delapan muka juga, oleh sebab ia-nya akan di-chetak dan lembar-nya di-perbesarkan kandungan-nya akan lebeh empat kali ganda banyak-nya dari yang boleh di-muatkan dalam Pelita yang sudah2.

Gambar2 pula akan lebeh banyak lagi di-siarkan dan mengikut ranchangan sa-lembar penuh ada-lah di-khaskan untok gambar2 yang sahaja. Pada lain2 muka gambar2 yang mustahak akan juga di-siarkan untok menegaskan berita2.

Pejabat Penerangan sa-bagai penerbit "Pelita Brunei" akan menghidangkan satu lembar kerana kaum ibu dan Halaman Kaum Ibu itu akan mengandongi nasihat2 daripada penulis2 khas berkenaan dengan didekan anak2 dan urusan rumah tangga.

Warta berita dunia terutama-nya berita2 mengenai negeri2 Commonwealth dan negeri2 tetangga Brunei akan juga di-siarkan dalam "Pelita Brunei" baharu itu.

.....

AMARAN TENTANG BUNGA API DAN MERCHUN.

KETUA Polis Brunei dalam satu ma'lumat memberi amaran bahawa ada-lah salah bagi orang ramai memasang bunga api dan merchun di-sabarang tempat awam atau jalan2 raya.

Orang2 yang memasang bunga api dan merchun itu mungkin di-kehendak membayar kerosakan atau kechederaan dari bunga2 api dan merchun itu.

Kesalahan itu terkandung dalam Undang2 Kesalahan Kechil (Panggal 30).

Dalam pada itu pihak Polis telah memberi akuan bahawa kuatkuasa undang2 itu tidak akan di-perentahkan bagi di-jalankan pada hari perayaan.

Akan tetapi orang ramai ada-lah di-ingatkan supaya jangan memasang bunga api dan merchun di-tambatan, jetty kapal, tempat2 menjual minyak petrol dan tempat simpanan petrol atau minyak.

.....

LAUTAN KAPAL HMS ALERT.

Kapal frigate HMS Alert telah melawat ka-perayeran Kuala Belait pada 26 January yang lalu. Kapal itu membawa Panglima Agong Angkatan Laut Diraja Timor Jauh, Laksamana Sir Gerald Gladstone.

Sa-lama berada di-Kuala Belait pasukan2 sukan dari kapal itu mengadakan pertandingan dengan pasukan2 tempatan.

BIDUAN dan biduanita serta ahli2 musik dari seluruh negeri akan bersekutu menghiborkan para penuntun pada malam aneka warna yang akan di-adakan di-dewan baharu pusat tata kemasyarakatan Bandar Brunei pada malam Hari Raya Puasa yang akan datang ini.

Malam aneka warna itu di-anjorkan oleh Pejabat Penerangan Brunei dan Radio Brunei di-bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Kutipan dari jualan tiket akan di-serahkan kepada Majlis Pemuda Pemuda Negeri Brunei untok kebajikan pemuda pemuda negeri.

Sa-lain dari tarian barat dan nyanyian Melayu yang akan di-pertunjukkan dan di-perdengarkan oleh biduanita dan biduan2 itu dua pancharagam satu dari Bandar Brunei dan satu dari Seria akan turut mengambil bahagian.

HAKIM BESAR MEMEREKSA BARIS 'N KEHORMATAN.

SIR Ernest Williams, hakim besar Sarawak, Brunei dan Borneo Utara British yang akan bersara itu telah membicharakan dua rayuan ulang bichara awam di-mahkamah tingi Brunei baharu2 ini.

Sir Ernest akan berchuti dalam bulan March hadapan ini dan akan bersara sa-telah chuti-nya habis.

Dalam pembicharaan itu beliau telah di-bantu oleh Tuan Hakim Justice D.R. Lascelles and Tuan Hakim Justice G.G. Briggs.

Sa-belum naik ka-mahkamah pada pagi itu, Sir Ernest telah memeriksa satu perbarisan kehormat dari satu pasokan Polis Brunei dan pancharagam Polis Brunei.

.....

HADIAH KORAN DARIPADA PERSATUAN INDIAN BRUNEI.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Ketua Adat Istiadat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei baharu2 ini menerima Koran dan tafsiran-nya dalam bahasa Inggeris daripada Persatuan Indian Bandar Brunei.

Koran itu telah di-hantarkan ka-Masjid Omar Ali Saifuddin untok bacaan ramai mengikut kehendak persatuan itu.

Koran yang tiga penggal besar-nya itu telah di-pesan dari Pakistan beberapa bulan sa-belum istiadat pembukaan masjid tersebut dalam bulan September yang lalu tetapi oleh sebab2 yang tidak dapat di-elakkan hanya dapat di-hadiahkan baharu2 ini.

.....

CLASS MELAYU UNTOK KERANI2 YANG BUKAN MELAYU.

Satu class petang bahasa Melayu telah di-buka di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait, pada 6 January lepas. Class itu menerima kaki tangan kerajaan yang bukan dari bangsa Melayu untok melengkapkan mereka dalam pepereksaan Melayu bagi kerani2 bahagian rendah.

.....

Puan J.R. Broscumb telah di-lantek menjadi Nursing Sister, Pejabat Perubatan Brunei mulai dari 6 January, 1959.

TIGA PEMBUNOHAN DALAM SA-BULAN.

SA-ORANG laki2 Dayak, Bana anak Gilan, telah di-jumpai mati terbunuh di-Ulu Semburu, Kuala Belait apabila satu pasukan Polis diketuai oleh A.S.P. Stephen Liew pergi menyiasat ka-situ pada pagi 28 January lepas.

Bana di-katakan berumur 20 tahun. Mayat-nya di-jumpai dekat sa-batang jalan kechil di-dalam hutan di-antara Kuala Belait dengan Labi, lebeh kurang satu jam berjalan sa-telah menaiki outboard sa-lama dua jam sa-tengah.

Dayak itu di-perchayai bekerja sa-bagai pemungut getah jelutong dan berita berkenaan dengan pembunuhan itu telah sampai ka-Kuala Belait pada malam hari.

Gadis dalam tahanan.

Berhubung dengan pembunuhan itu sa-orang gadis Iban, Dungai anak Radin berumur 16 tahun telah di-perentahkan oleh Magistrate Kuala Belait supaya di-tahan sa-lama 14 hari untuk membolehkan Polis menjalankan penyiasatan yang lebeh lanjut lagi.

Gadis Iban itu di-katakan telah bersuami.

Sa-lain dari gadis itu sa-orang laki2 lain telah juga di-soal oleh Polis berkenaan dengan pembunuhan tersebut. Laki2 itu di-katakan suami kapada gadis tersebut.

Pembunuhan itu ia-lah yang ketiga dalam bulan January. Pada 5 haribulan sa-orang budak laki2 China berumur 9 tahun telah di-jumpai terbunuh dalam belukar di-belakang tanah perkuboran Christian, Bandar Brunei.

Pembunuhan yang kedua berlaku di-Sungai Tali dekat Seria pada 8 haribulan apabila sa-orang perempuan tua China berumur 65 tahun di-jumpai terbunuh dalam kedai-nya.

.....

WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN.

Rombongan wayang gambar Pejabat Penerangan Brunei dan Kuala Belait akan menunjukkan wayang gambar dalam bulan ini di-tempat2 dan tarikh berikut:

Brunei: 2 Feb. Kampong Burong Pinggai, 3 Feb. Kawasan rumah sakit, 4 Feb. Jerudong Jail, 7 Feb. Sekolah Melayu Limau Manis, 11 Feb. Sekolah Melayu Masin, 12 Feb. Kampong Saba Tengah, 14 Feb. Kampong Burong Pinggai, 16 Feb. Sekolah Melayu Bokok (Temburong), 17 Feb. Sekolah Melayu Puni, 19 Feb. Sekolah Melayu Suas, (Muara), 21 Feb. Kampong Peramu, 23 Feb., Sekolah Melayu Penanjong.

Kuala Belait: 3 Feb. Rumah sakit kerajaan, 6 Feb. Kawasan X Seria, 11 Feb. Kuala Belait, 12 Feb. Sungai Damit, 16 Feb. Bukit Sawat, 17 Feb. Pangkalan Siong, 18 Feb. Kampong Dungun, 19 Feb. Malilas, 20 Feb. Tampinak, 23 Feb. Kolam Ayer Badas, 25 Feb. Padang Kechil, Kuala Belait, 27 Feb. Club Pemuda, Seria.

.....

Penganggoran di-Bandar Brunei.

Sa-ramai 19 telah mendaftarkan nama sa-bagai tidak bekerja dalam bulan January lepas. Kebanyakan daripada orang2 yang menganggor itu ia-lah dari bangsa Melayu. Mer ka layak menjadi buroh kasar driver dan lain2-nya.

Majikan2 ada-lah di-minta berhubung dengan Pejabat Pertukaran Buroh Brunei jika berkehendakkan perkhidmatan orang2 yang tidak bekerja itu.

6 -
X DERMASISWA SHARIKAT MINYAK SHELL.

SHARIKAT minyak Shell kumpulan Borneo British telah menguntokkan wang sa-banyak \$60,000 kerana dermasiswa kepada penuntut2 dari Brunei, Sarawak dan Borneo Utara bagi tahun ini.

Di-antara penuntut2 yang mendapat dermasiswa tahun ini ia-lah 20 orang anak Brunei dari beberapa buah sekolah di-negeri ini. Tiga belas orang penuntut yang mendapat dermasiswa tahun 1958 telah di-lanjutkan pemberian dermasiswa mereka kepada tahun ini.

Penuntut2 yang mendapat dermasiswa itu telah di-chadangkan oleh Pejabat Pelajaran dan dermasiswa itu telah di-bayar mulai dari bulan January lepas.

Tujuan memberi dermasiswa itu ia-lah kerana hendak menggalakkan penuntut2 dari tiga buah kawasan British di-Borneo mendapat pelajaran yang lebeh tinggi.

Sharikat itu mungkin menawarkan kerja kepada penuntut2 itu kelak tetapi mereka bebas memilih apa jua lapangan kerja yang mereka sukai sa-telah keluar dari sekolah.

.....

X LATEHAN GURU2 BRUNEI DI-MALAYA.

LIMA belas orang penuntut dari tiga buah sekolah Inggeris Brunei telah di-pilih untuk mendapat latehan perguruan di-Maktab Latehan Guru, K^ota Bharu, M^alaya sa-lama tiga tahun.

Penuntut2 itu terdiri dari sembilan orang laki2 dan enam orang perempuan dari sekolah Sultan Omar Ali Saifuddin College, S^ekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri, Bandar Brunei dan Anthony Abell College, Seria.

Mereka itu akan berlepas ka-Malaya pada awal bulan March hadapan supaya sampai di-K^ota Bharu sa-minggu kemudian.

Penuntut2 itu ia-lah: Awangku Yunus bin Pengiran Besar, Awangku Mustapha bin Pengiran Metassan, Hamzah bin Uting, Awangku Yakob bin Pengiran Mohammad, Ismail bin Apong, Moh bin Haji Jaruddin,

Annuar bin Haji Hamid, Hafsa binti Haji Mohiddin, S.Hamid bin S.Nikman, Zainun binti Abdul Latif, Moh Nor S^alleh, Norman binti Noordin, Nafsah binti Haji Saman, Dayangku Fatimah binti Pengiran Salim dan Naayah binti Othman.

.....

X BANGUNAN RUMAH SAKIT BAHARU BANDAR BRUNEI.

Bentuk bangunan rumah sakit baharu Bandar Brunei yang di-angrarkan memakan belanja sa-banyak \$9,000,000 itu sedang di-reka oleh sa-orang ahli bangunan yang terkenal dari United Kingdom.

Beliau ia-lah Tuan Alastair MacDonald saudara tua kepada Tuan Malcolm MacDonald, bekas Pesuruh Jaya Agung British di-Tenggara Asia. Tuan Alastair MacDonald telah sampai di-Brunei pada pertengahan bulan lepas dan akan berada di-sini beberapa hari lagi.

.....

X Dari muka 8.

Sa-belum bertolak Duke akan memeriksa barisan kehormatan yang terdiri dari pasukan2 polis dan pancharagam polis Brunei. Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Terutama Pesuruh Jaya Tinggi Brunei akan hadir memberi selamat berpisah kepada Duke di-lapangan terbang itu.

AHLI2 ROMBONGAN PERLEMBAGAAN BRUNEI KA-LONDON.

ROMBONGAN perlembagaan Negeri Brunei yang akan di-ketuai oleh Duli Yang Maha Mulia dalam perundingan dengan Setiausaha Tanah Jajahan British, Tuan Alan Lennox Boyd di-London itu terdiri dari sembilan orang ahli Majlis Mesuarat Negeri Brunei.

Mereka itu ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Dato Paduka Haji Mohamed Alam, Yang Berhormat lagi di-muliakan Pehin Dato Perdana Menteri Dato Paduka Haji Ibrahim, Yang Berhormat Pehin Orangkaya Shahbandar Haji Ahmad, Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Berhormat Pengiran Ali bin Pengiran Haji Md. Daud, Yang Berhormat Inche Marsal bin Maun, Yang Berhormat Pengiran Mohamed Yusuf, Yang Berhormat Pehin Orangkaya Laksamana Haji Mohamed Taha dan Yang Berhormat Pehin Jawatan Dalam Haji Mohamed Noor.

Pegawai British turut hadir.

Yang di-muliakan Pehin Orangkaya Sanggamara Setia Diraja Dato Paduka Abbas akan termasuk dalam rombongan itu sa-bagai juruiring kepada Duli Yang Maha Mulia.

Rombongan itu akan di-sertai oleh sa-orang peguam Melayu dari Persekutuan Tanah Melayu, ia-itu Dato Panglima Bukit Gantang Haji Abul Wahab, bekas Menteri Besar Perak. Beliau ia-lah penasihat kepada rombongan itu.

Rombongan perlembagaan itu mungkin di-sertai di-London oleh Yang Berhormat Tuan D.C. White, British Resident Brunei dan Yang Berhormat Tuan J.McP. Adams, Timbalan Penasihat Undang2, Brunei.

Rombongan itu di-jadualkan berlepas dari Brunei pada pertengahan bulan March hadapan ini.

.....

TEMASHA PERMAINAN MENYAMBUT DUKE.

Temasha permainan akan di-adakan oleh kaum Melayu Brunei pada malam 28 February (malam Ahad) kerana menyambut kedatangan Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh ka-Brunei dalam lawatan-nya sa-lama sa-hari.

Temasha itu akan di-uruskan oleh suatu Jawatan Kuasa kechil yang telah di-lantek oleh Jawatan Kuasa Lawatan Diraja.

Di-antara permainan dan tarian yang di-chadangkan ia-lah: Main gasing, silat, kuntai, ronggeng, gambus, zapin, hadrat, lagu Brunei asli, naindong, sepakraga dan mengali bubu.

.....

RADIO BRUNEI DAPAT DI-DENGAR DI-AMERIKA SHARIKAT.

Radio Brunei yang di-pancharkan dari gelombang sederhana 242 dan 309 meter itu dapat di-dengar di-pantai barat Amerika Sharikat dari peti radio 10 valve.

Kenyataan ini telah di-sampaikan kepada Pejabat Penerangan Brunei oleh sa-orang penggemar radio, Robert B. Knowles dari San Diego, California.

Dalam surat-nya memuji siaran Radio Brunei, Tuan Knowles berkata: "Radio Brunei boleh di-dengar dari ranchangan pembukaan sampai tamat.

Siaran2 itu di-pancharkan dalam bahasa China, bahasa2 tempatan dan Inggeris dan mengandungi warta berita dunia dan tempatan, lagu2 dan cherita2 pendek, kata Tuan Knowles.

X RANCHANGAN PERAYAAN MENYAMBUT DUKE OF EDINBURGH.

YANG Teramat Mulia Prince Philips, Duke of Edinburgh ia-itu suami kepada Baginda Queen Elizabeth Kedua dalam lawatan-nya yang julong2 kali ka-Borneo British akan tiba di-Negeri Brunei pada 28 haribulan ini sa-lepas melangsungkan lawatan ka-beberapa tempat di-Sarawak. Beliau akan tiba di-lapangan terbang Anduki, Seria dengan kapal terbang khas dari Sarawak.

Yang Teramat Mulia Duke itu ia-lah ahli Kerabat Diraja British yang keempat datang ka-Brunei kerana Duke of Windsor sa-bagai Prince of Wales, Duchess of Kent dan anakanda-nya Duke of Kent telah melawat ka-Brunei terlebih dahulu.

Di-lapangan terbang Anduki, rombongan Duke itu akan di-sambut oleh Yang Berhormat Tuan D.C. White, British Resident Brunei dan pegawai2 tinggi di-Seria dan Kuala Belait.

Melawat padang minyak.

Yang Teramat Mulia itu akan di-bawa melawat ka-sekitar perusahaan minyak, melawat ka-sekolah Pertukangan Sharikat Minyak, menyaksikan temasha2 dan perlawanan2 di-padang Marina dan lain2-nya dan sa-sudah itu rombongan itu akan hadir dalam majlis jamuan makan tengah hari yang di-berikan oleh Yang Berhormat Tuan R.E. Hales, Pengurus Agong Sharikat Minyak Brunei Shell di-rumah-nya.

Duke dan rombongan-nya akan meninggalkan padang minyak Seria dengan kapal terbang ka-Bandar Brunei dan di-Brunei Yang Teramat Mulia itu akan di-sambut oleh Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi Brunei, Dato Paduka Sir Anthony Abell.

Sa-lepas memereka barisan kehormatan yang terdiri dari pasokan Polis Brunei dan pasokan pancharagam Polis Brunei di-bawah pimpinan A.S.P. Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Duke akan di-perkenalkan oleh Tuan White kepada semua ahli2 Majlis Mesuarat Negeri Brunei.

Perarakan kereta.

Duke itu akan di-temani oleh Duli Yang Maha Mulia dalam sa-buah kereta menuju ka-Istana Darul Hana. Sa-panjang jalan itu Duke akan melalui barisan budak2 pengakap, pandu puteri, palang merah dan murid2 sekolah yang melambai2 mengalu2kan kedatangan Duke ka-Brunei.

Di-Istana Duke akan menyaksikan berbagai2 persembahan yang menggambarkan kebudayaan dan kesenian Brunei asli.

Sa-lepas Duli Yang Maha Mulia memperkenalkan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri dan putera-puteri Diraja kepada Yang Teramat Mulia Duke dan persembahan chendora2 mata untuk Baginda Queen dan putera-puteri-nya di-sampaikan Duke akan santap teh bersama Duli Yang Maha Mulia.

Permainan bunga api.

Sa-lama berada di-Brunei Duke itu akan di-raikan sa-chara besar2a dalam jamuan Garden Party di-Residency dan jamuan Negara di-Istana Darul Hana dan lebeh2 lagi akan berpeluang melihat keadaan Kampong Ayer di-waktu malam.

Permainan bunga api dari bukit dekat Kampong Ayer akan di-pertunjukkan juga pada malam Duke itu berada di-Brunei dan berbagai2 lagi permainan2 asli akan di-adakan di-Istana.

Yang Teramat Mulia Duke of Edinburgh dan rombongan-nya akan meninggalkan Brunei dari lapangan terbang Brunei di-Berakas pada pag 1 March, 1959.